

'Jayakan misi negara'

PM mahu calon angkasawan dedah pengalaman kepada rakyat

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan amanat kepada dua calon angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr Faiz Khaleed, yang berlepas ke Russia malam tadi bagi menjalani latihan setahun sebelum ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Perdana Menteri turut menyerahkan *Jalur Gemilang* kepada mereka dengan disaksikan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara, Prof Datuk Dr Mazlan Othman serta Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abdul Hanan Alang Endut.

Dalam amanatnya, Abdullah berkata, rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada kedua-dua calon angkasawan itu untuk menjayakan misi negara dan mengharumkan nama Malaysia.

Katanya, penyertaan mereka dalam program angkasa lepas akan memberi satu pendedahan dan pengalaman yang amat baik.

"Mudah-mudahan apa jua yang dipelajari oleh mereka dapat dibawa balik ke Malaysia dan dimanfaatkan oleh rakyat," katanya.

Beliau berharap kedua-duanya sentiasa berada dalam keadaan sihat dan kuat dari segi mental, fizikal dan rohani.

"Selamat berjuang dan Selamat menjalankan tugas yang akan ditetapkan," kata Abdullah.

Kedua-dua calon angkasawan negara itu akan mengikuti latihan akhir di Star City, Moscow, termasuk tiga bulan mempelajari bahasa Russia, selain mempelajari mengenai kajian sains dalam beberapa bidang seperti bioteknologi dan perubatan.

Seorang daripada mereka akan terpilih menyertai misi angkasa lepas Kerajaan Russia selama lapan hari dijadual bermula 2 September tahun depan.

Dr Sheikh Muszaphar, 34, ketika diminta mengulas mengenai pertemuan itu, berkata nasihat Perdana Menteri bukan saja satu bentuk persiapan dari segi fizikal, mental dan jasmani tetapi turut mengingatkan mereka agar tidak lupa kepada Tuhan dan agama.

Doktor perubatan itu berharap apabila kembali ke tanah air nanti, beliau dapat memberi inspirasi kepada pelajar dan kanak-kanak agar mereka lebih mendalami bidang sains.

Dr Faiz, 26, pula berharap program itu akan mencapai kejayaan dan objektifnya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Ghoh berkata, angkasawan negara mungkin tidak berpeluang menikmati teh tarik dan roti canai di angkasa lepas jika pakar nutrisi memutuskan produk makanan berkenaan tidak sesuai dengan persekitaran di sana.

Beliau berkata, segala jenis produk makanan yang akan dibawa angkasawan pertama negara perlu ditentukan oleh pakar nutrisi

khas.

"Kita perlu memastikan makanan yang dibekalkan kepada angkasawan menepati keperluan nutrisi mereka serta mengandungi zat yang mencukupi selaras dengan perseki-

FAKTA NOMBOR

Latihan calon angkasawan

1 tahun

Latihan di Star City, Moscow

3 bulan

Tempoh belajar bahasa Russia

taran di angkasa lepas," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program bantuan kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Jenis Cina (SKJC) Naam Kheung, di sini semalam.

Kong berkata, kerajaan menaruh harapan tinggi kepada Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz.

"Kita berharap mereka memanfaatkan peluang ini dengan sebaik mungkin dengan menimba pengetahuan dan pengalaman daripada tenaga pengajar profesional di sana.

Sementara itu, seramai 10,400 murid di 350 sekolah seluruh negara bakal menerima bantuan kewangan RM100 seorang bagi membolehkan mereka membeli keperluan persekolahan antaranya kasut, buku dan pakaian seragam. - Bernama